

20 MAY 1997

Anwar-PM

LAPORAN ASING MENGENAI PERSARAAN PM TIDAK BERASAS, KATA ANWAR

Oleh: Arshi Daud

MANILA, 20 Mei (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan sebagai tidak berasas laporan-laporan asing yang mengandaikan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bersara.

Anwar berkata Dr Mahathir tidak bercadang untuk bersara kerana masalah kesihatannya seperti yang dispekulasikan.

"Beliau masih kuat," katanya pada persidangan berita selepas menyampaikan ucapan pada mesyuarat agung antarabangsa ke-30 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik di sini.

Anwar juga menjelaskan bahawa pelantikannya sebagai pemangku Perdana Menteri ialah satu kesinambungan kepada apa yang dilakukannya pada masa lepas semasa ketiadaan Perdana Menteri.

"Saya rasa saya telah menjadi pemangku Perdana Menteri lebih daripada 12 kali," katanya.

Bagaimanapun, Anwar berkata beliau gembira dan menghargai pelantikan itu.

Beliau berjanji akan melaksanakan tugasnya sebaik mungkin semasa tempoh percutian dua bulan Perdana Menteri.

Anwar berkata beliau selesa melaksanakan tugas itu kerana menerima sokongan penuh daripada anggota-anggota Kabinet, parti dan Perdana Menteri sendiri.

Anwar juga berkata seperti pada masa lepas, beliau harus berunding dengan Dr Mahathir apabila isu-isu besar timbul.

"Tetapi sudah tentu saya tidak akan mengganggu beliau dengan butiran terperinci kerana beliau mempunyai kepercayaan dan keyakinan penuh terhadap saya.

"Saya mahu beliau berehat dan memberi tumpuan kepada perkara lain. Saya mahu beliau berfikir, membaca, menulis dan kembali dengan penuh tenaga," kata Anwar.

-- BERNAMA

AD NAK